

# LKIM digesa atasi jurang harga ikan di luar bandar dan bandar

HM 01/12/28 m/s 17

**Chukai:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menggesa Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) mengatasi masalah jurang harga ikan di kawasan luar bandar dan bandar.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, isu orang tengah masih berleluasa hingga menjadi punca jurang harga yang amat ketara.

Beliau menegaskan, walaupun harga ikan dapat dikurangkan kelak, namun nelayan seharusnya men-

dapat harga setimpal dengan hasil diusahakan.

"Apa yang saya lihat tadi, harga ikan kerisi di sini dijual RM10 untuk tiga kilogram, berbanding di kawasan bandar contohnya di Pasar Taman Tun Dr Ismail, harga dijual adalah sekitar RM12 untuk satu kilogram ikan berkenaan.

"Ertinya di sini, peranan orang tengah masih lagi kuat. Jadi kita harap LKIM dan Nekmat dapat memainkan fungsi masing-masing.

"Mungkin pihak berkaitan boleh bincang, sama

ada sediakan lori untuk penghantaran di kawasan bandar. Kita ada keperluan pengangkutan dan penambahan peruntukan, saya akan berbincang dengan Kementerian Kewangan," katanya selepas mengadakan Program Santai bersama nelayan, di LKIM Kemaman di sini, semalam.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, pihak berkaitan juga perlu adil dan tidak memberi tekanan kepada nelayan hanya semata-mata untuk mendapatkan harga murah.